

18/05/1997

Cyberjaya bukan projek mi segera

Zulkofli Jamaludin

CYBERJAYA, yang terletak di tengah kawasan pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC), bakal menjadi bandar raya teknologi maklumat (IT) paling unik dan yang pertama di dunia menggabungkan konsep hubungan empat hala - manusia dengan manusia, alam, teknologi dan Pencipta.

Bandar raya seluas 7,000 hektar itu, yang mengekalkan 35 peratus kawasan hijau, juga menawarkan konsep mesra ekonomi dan kehidupan berasas ilmu. Malah, ia bakal menjadi pencetus pembangunan produk multimedia bertaraf dunia.

Keunikannya mampu melahirkan persekitaran kerja harmonis dan berupaya menarik pelabur, terutama yang terbabit dalam multimedia, bagi mengembangkan sayap serta menubuhkan ibu pejabat mereka di kawasan berkenaan.

Ketua Pengarah Perancang Bandar dan Desa, Datuk Prof Zainuddin Muhammad, berkata Cyberjaya terletak bersebelahan bandar raya pintar - Putrajaya, yang bakal menjadi pusat pentadbiran kerajaan.

Menurutnya, Cyberjaya dilengkapi pelbagai kemudahan canggih termasuk sistem rangkaian telekomunikasi dengan keupayaan penghantaran data 2.5 gigabit sesaat hingga 10 gigabit sesaat, perisian IT serta perkhidmatan multimedia.

Prasarana itu dijangka siap sepenuhnya pada 1999. Bagaimanapun, syarikat yang berminat boleh memulakan operasi di Cyberjaya akhir tahun depan dan berpeluang menikmati pelbagai kemudahan yang disediakan, termasuk Taman dan Plaza Cyber.

Prasarana dalam bentuk insentif kewangan lebih kompetitif dan menarik serta Undang-Undang Siber yang menjadi perkara penting dalam model pembentukan masyarakat multimedia, juga mampu menarik pelabur dan diberi perhatian dalam pembangunan bandar raya terbabit.

Apabila siap sepenuhnya, Cyberjaya bakal mempunyai 240,000 penduduk termasuk 10,000 pekerja profesional dalam pelbagai cabang IT dengan kadar kepadatan penduduk 35 orang bagi setiap hektar.

Di samping kemudahan prasarana, mereka juga berpeluang menjalin hubungan masyarakat melalui pembinaan kediaman tanpa mempunyai pagar yang memisahkan hubungan sesama manusia.

Sebagai langkah keselamatan, kawasan kediaman yang akan menempatkan ketua pegawai eksekutif (CEO), saintis serta profesional itu, akan dilengkapi ciri keselamatan moden dan bersepadu.

Sehingga kini, 42 syarikat asing dan tempatan sudah mendapat geran taraf MSC bagi menjalankan operasi di Cyberjaya. Majlis pecah tanah projek bandar raya itu, dilakukan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam, bertepatan dengan sambutan Hari Telekomunikasi Sedunia.

Antara syarikat yang akan memulakan operasi bandar raya berkenaan, ialah Telekom Malaysia Berhad, Televisyen Malaysia Berhad (TV3), Mimos Berhad, Pemodal Nasional Berhad (PNB), Nippon Telefon & Telegraf, Golden Hope Berhad, Sun Microsystems Inc, Fujitsu Siemens, British Telecoms, Alam Teknokrat Sdn Bhd dan Perbadanan Pembangunan Multimedia.

Mengimbau usaha awal pelaksanaan bandar raya itu, Zainuddin berkata, pihaknya diberi tempoh dua minggu bermula 15 September 1996 oleh Dr Mahathir, untuk menyiapkan kertas konsep Cyberjaya.

"Pada 1 Oktober 1996, tiga kertas konsep diserahkan kepada Perdana Menteri dan satu daripadanya dipilih untuk dilaksanakan. Kami kemudian diberi tiga bulan lagi bagi menyiapkan pelan terperinci dan pada 10

Januari lalu, Cyberjaya dipromosikan di Amerika Syarikat," katanya.

Sekembali dari Amerika Syarikat, jabatan itu memperincikan lagi pelan pembangunan Cyberjaya sebelum dilancarkan secara rasmi oleh Dr Mahathir semalam.

Sehubungan itu, Zainuddin menolak anggapan kononnya projek ini lebih berbentuk 'mi segera' berikutan tempoh perancangannya yang singkat.

"Ia bukan projek mi segera kerana projek ini membabitkan percambahan fikiran dan perancangan pasukan khas yang dianggotai kumpulan pakar - perancang bandar, lanskap, pengangkutan, IT, geologi, lalu lintas dan pakar penggunaan tanah.

"Kita menggabungkan tenaga untuk melahirkan idea dan konsep pembangunan bandar raya ini. Jika hendak dikatakan mi segera tidak boleh, kerana ia bukannya diambil atau ditiru dari tempat lain," katanya.

Konsep baru yang diperkenalkan itu turut menguji kemampuan sebenar negara dalam pembangunan multimedia kerana ramai pelabur yang menghadiri promosi, tertarik dengan konsep yang diperkenalkan kerana ia menggabungkan apa yang dikehendaki agama, alam sekitar dan teknologi.

Beliau berkata, jabatan itu juga akan menyertai Perdana Menteri mengadakan promosi Cyberjaya di beberapa tempat di United Kingdom selepas majlis pelancarannya.

(END)